

04 OCT 1997

Rahim-Dadah

PENAGIH DI MALAYSIA BELANJA RM1,250 JUTA SETAHUN

PETALING JAYA, 4 Okt (Bernama) -- Golongan penagih dadah di Malaysia membelanjakan kira-kira RM1,250 juta setahun untuk membiayai tabiat mereka itu, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor di sini hari ini.

"Keuntungan besar yang dikaut daripada kegiatan mengedar dadah dengan potensi pasaran yang meluas di dalam dan luar negara akan terus menjadi ancaman besar kepada negara," katanya.

Abdul Rahim berkata kajian menunjukkan bahawa 35 peratus daripada penagih dadah di Malaysia adalah golongan pekerja.

Selain itu, gejala penggunaan "dadah berjenama" kini semakin menular di kalangan kelas menengah dan atasan yang kerap mengunjungi pusat-pusat hiburan.

Gejala penyalahgunaan dadah juga kini mula melanda generasi muda, katanya semasa merasmikan Persidangan Sektor Swasta mengenai Penyalahgunaan Dadah di Tempat Kerja dan Dalam Masyarakat (Asia Pasifik) Ketiga di sini. Persidangan itu dianjurkan bersama oleh Program Pengawalan Dadah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia (Pemadam).

Presiden Pemadam Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob turut hadir pada persidangan itu bersama 216 peserta lain daripada pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Abdul Rahim berkata hakikat bahawa tiada ubat yang boleh memulihkan penagih dadah serta ketiadaan kaedah berkesan untuk mencegah mereka yang telah menjalani rawatan daripada kembali menagih, dadah menjadi ancaman utama kepada ketahanan generasi akan datang.

"Pihak berkuasa Malaysia berusaha sedaya upaya untuk memerangi para pengedar dadah dengan mengambil langkah-langkah tegas menyekat bekalan dadah dan mengurangkan permintaannya," kata beliau.

Abdul Rahim berkata bahawa dari 1995 hingga Ogos tahun ini, 3,248 orang telah ditangkap kerana kesalahan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori manakala 26,530 lagi ditangkap kerana kesalahan memiliki dadah.

"Dalam tempoh yang sama, polis merampas 55,987 kg heroin, 5,114 kg ganja, 4,490,775 biji pil khayal, 43,899 pil "ecstasy" dan beberapa jenis dadah lain seperti candu, morfin dan kokain," kata beliau.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 yang memperuntukkan hukuman tahanan terhadap pengedar dadah di dapati sangat berkesan dengan 3,040 orang ditahan mengikut akta itu dari 1995 hingga Ogos tahun ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas itu, Abdul Rahim berkata agensi-agensi kerajaan yang menangani masalah dadah sentiasa komited dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Sebagai contoh, polis kini mempunyai jabatan narkotik yang khusus untuk mengendalikan kes-kes berkaitan masalah dadah.

Beliau juga berkata bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, telah menyetujui penubuhan Agensi Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan yang akan dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Agensi itu akan dianggotai pelbagai agensi kerajaan termasuk jabatan agama.

Beliau berkata masyarakat tidak mempunyai komitmen terhadap usaha-usaha mengatasi masalah dadah dan langkah-langkah yang berkesan mesti diambil

untuk mengatasi masalah itu. -- BERNAMA.
ZAI MZ RON